

**Hargai Sejarah Perjuangan Kemerdekaan  
Bernama  
23 Februari, 2012  
Oleh Melati Mohd Ariff**

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Tahun ini, kita akan meraikan ulang tahun kemerdekaan yang ke-55.

Pastinya ia satu tempoh yang agak panjang yang dilakari pelbagai peristiwa suka duka dalam usaha pemerintah membentuk dan membangunkan sebuah negara bebas daripada penguasaan penjajah Inggeris.

Saban tahun juga kita dibawa kembali menyusuri detik-detik bersejarah yang membawa kepada pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Laungan "Merdeka" pada tanggal 31 Ogos 1957 oleh Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang telah berulang-kali disiarkan, masih mampu menggetarkan emosi.

**MEMANG PERLU**

Namun bukan semua yang teruja dengan sambutan Hari Kemerdekaan. Lihat sahajalah berapa banyak "Jalur Gemilang" yang berkibar di premis kediaman atau pejabat walaupun diminta berbuat demikian.

Malah ada juga usaha yang cuba meremehkan pengorbanan para pejuang kemerdekaan yang menggadaikan nyawa.

Tidak kurang juga yang pengetahuan mereka tentang sejarah semakin pudar ditelan masa.

Justeru inisiatif Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) mengadakan kolokium Sejarah Malaysia pada 25 Feb ini diharap dapat menghidupkan semula minat rakyat kepada sejarah tanah air.

Kolokium sehari yang dijadual berlangsung di Panggung Eksperimental, Universiti Malaya di sini diberi tema "Imbasan Sejarah Perjuangan Kemerdekaan" dan berlangsung dalam bentuk perbincangan.

Ia bertujuan memperbetul persepsi salah bahawa Parti Komunis Malaya (PKM) adalah pejuang kemerdekaan.

**MUDAH LUPA**

Datuk Omar Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif, Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) melihat usaha KPKK ini bukan sahaja wajar tetapi perlu dibuat secara berulang-ulang tanpa menunggu timbul satu-satu isu.

Tambahan pula, banyak fakta sejarah menjadi kabur bagi sesetengah orang.

"Jadi perkara ini perlu diperingatkan khasnya kepada anak muda yang walaupun belajar sejarah di sekolah tetapi tidak menghayatinya," beliau memberitahu Bernama dalam wawancara di sini baru-baru ini.

## **BAHAN RUJUKAN**

Ahli falsafah Amerika, George Santayana pernah berkata "Those who cannot remember the past are condemned to repeat it" yang boleh diterjemah sebagai "mereka yang melupai sejarah pasti akan terdera mengulangnya."

Kita juga pernah mendengar orang berkata "belajarlah daripada sejarah."

Bagi yang mungkin sudah lupa atau hendak belajar secara ringkas dan cepat sejarah, sebenarnya mereka boleh melakukannya dengan mendapatkan buku teks sejarah sekolah.

Ini cadangan Omar, kerana katanya, perkara-perkara besar mengenai sejarah negara khususnya perjuangan kemerdekaan dicatat dengan begitu baik dalam buku berkenaan.

Ambil contoh buku teks sejarah Tingkatan 5 (kurikulum bersepadu sekolah menengah) yang diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di mana antara panel penulisnya ialah tokoh sejarah Prof Datuk Dr Ramlah Adam.

Kandungan buku teks ini antaranya menyorot kemunculan dan perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara dan nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua.

Pembelajaran Nasionalisme di Malaysia menghurai antaranya sebab-sebab penentangan terhadap British dan menjelaskan peranan persatuan Melayu dalam menggalakkan kesedaran nasionalisme.

## **PERJUANGAN YANG PANJANG**

Sebenarnya perjuangan menentang kuasa imperialis bukan sahaja terhad kepada mereka yang terbabit dalam persatuan atau parti politik.

Malahan sejarah menentang penjajah Inggeris dalam bentuk yang kecil tetapi penting bermula sejak abad ke-19 baik di Semenanjung maupun Sabah dan Sarawak.

Penghulu Dol Said (Datuk Naning), Datuk Maharaja Lela, Tok Janggut dan Mat Kilau adalah antara yang berani bangkit menentang pemerintahan Inggeris di Semenanjung Malaysia.

Sementara di Sabah, kisah keberanian Mat Salleh serta pemimpin Iban Rentap dan Syarif Masahor di Sarawak sudah tercatat dalam lipatan sejarah.

## **GOLONGAN ULAMAK**

Arus awal kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu dipelopori golongan ulama yang belajar dan mendapat pengaruh di Timur Tengah khususnya di Mesir.

Antara tokoh yang berpengaruh kuat ke atas 'pejuang pondok' ini ialah cendekiawan dan ulama Mesir, Sheikh Muhammad Abduh yang terkenal dengan memulakan gerakan reformasi Islam.

"Apabila ulama seperti Syed Sheikh Syed Ahmad Al-Hadi (dikenali sebagai Syed Sheikh Al-Hadi) dan Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin (ayahanda Tun Hamdan yang pernah menjadi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang) pulang ke tanah air, mereka memulakan gerakan pembaharuan kepada masyarakat Melayu.

"Ini berlaku pada awal kurun ke-20. Mereka juga menubuhkan surat khabar dan madrasah di Pulau Pinang," Omar mengkisahkan.

Syed Sheikh Al-Hadi mengasaskan Madrasah Al-Mashoor pada 1919, menerbitkan majalah Al-Imam pada 1906 serta majalah Al-Ikhwani, yang kedua-duanya dalam tulisan Jawi.

Sheikh Muhammad Tahir pula adalah tokoh bidang Falak Syari di alam Melayu Nusantara selain seorang penulis yang mempunyai pengaruh dan anak murid Hatta di Indonesia.

"Golongan ulama amat berpengaruh dari segi merangsang pemikiran orang Melayu mengenai pembaharuan dalam Islam di samping pemikiran yang lebih luas mengenai kebebasan serta kebajikan ummah.

"Zaman ini menarik sekali dan menjadi satu landasan yang kukuh kepada perjuangan selanjutnya," tambahnya.

## **PERANAN GURU**

Guru-guru Melayu pada zaman perjuangan kemerdekaan boleh dikatakan golongan elit yang mendapat pendidikan dari maktab perguruan, antaranya di Melaka dan Tanjung Malim, Perak.

Semangat perjuangan mereka adalah hasil daripada mendengar syarahan sejarah dan warisan oleh tokoh-tokoh seperti Abdul Hadi bin Hassan (guru sejarah) dan Buyong Adil (rajin menulis buku sejarah dan berasal dari Teluk Intan, Perak).

Golongan ini juga mendapat inspirasi daripada penulisan tokoh besar Melayu, Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba, pencetus semangat yang besar dalam kalangan guru Melayu.

"Apabila mereka balik mengajar di sekolah di seluruh negara, mereka giat menulis dalam Majalah Guru dan mengarang pelbagai kisah yang membangkitkan kepahlawanan Melayu. Antaranya ialah Ahmad Bakhtiar dan Harun Amir Al-Rashid. Mereka ini memberi bibit yang kuat untuk menubuhkan organisasi Melayu.

"Malahan parti Melayu yang pertama, Kesatuan Melayu Muda (KMM) ditubuhkan oleh lepasan Maktab Pengurusan Tanjung Malim iaitu Ibrahim Yaakob," kata Omar.

Golongan guru turut menjadi penyokong paling setia dan kukuh kepada perjuangan Pertubuhan Melayu Kebangsaan Melayu Bersatu atau ringkasnya, Umno, yang ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Baharu.

## **GENERASI BARU**

Seperti juga di negara lain yang berada di bawah imperialis Barat yang menyaksikan kemunculan generasi baru pemimpin berpendidikan Inggeris, senario yang sama berlaku di Tanah Melayu.

Nama-nama seperti Mahatma Ghandi, Jawaharlal Nehru, Ho Chi Minh dan Sukarno begitu gah dikenang sebagai pejuang kemerdekaan di negara masing-masing.

Di dalam negara, Datuk Onn Jaafar (Bapa Nasionalisme) dan Tunku Abdul Rahman (Bapa

Kemerdekaan) tidak perlu diperkenalkan lagi.

"Tidak ada satu zaman yang lebih besar dan hebat daripada segi penyatuan orang Melayu daripada zaman mereka menentang Malayan Union di bawah Datuk Onn," kata Omar.

Di samping dua nama itu, beliau turut mengulas peranan yang dimainkan oleh tokoh yang turut mempunyai pengikut yang tidak kurang pentingnya seperti Dr Burhanuddin a-Hilmi, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) dan Ahmad Boestaman.

## **KENANG PENGORBANAN**

Rentetan peristiwa negara mencapai kemerdekaan termasuk rundingan yang diketuai Tunku Abdul Rahman serta permuafakatan dengan persatuan Cina dan India serta kejayaan yang diperoleh sudah diketahui umum.

Menurut Omar, Ummolah yang menjadi tulang belakang kepada pergerakan untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dan peranan besar orang Melayu dalam hal ini tidak boleh dilupakan dalam sejarah negara.

"Demikian juga sokongan yang diberi kaum Cina dan India kerana penyertaan mereka menyakinkan kerajaan Inggeris negara yang akan dimerdekakan disokong oleh semua bangsa.

"Maka pihak Inggeris dengan yakin menyerahkan kemerdekaan kembali kepada Sultan-Sultan menerusi pemimpin politik dan wakil Raja-Raja," jelas Omar.

Menurut beliau, ada pihak yang membuat komen sinis negara ini memperoleh kemerdekaannya dengan jalan yang mudah.

"Benar kita tidak bermandi darah untuk mendapatkan kemerdekaan seperti yang berlaku di Indonesia atau Vietnam.

"Tetapi mereka lupa cara perundingan yang dibuat memerlukan kebijaksanaan yang tinggi dan sukar kerana kita berdepan dengan satu bangsa (Inggeris) yang licik dan bijak serta halus dengan diplomasi perundingan," tambahnya.

Para pemimpin awal kemerdekaan juga terpaksa berkorban menggunakan wang sendiri untuk membiayai perjuangan memandangkan Umno masa itu tidak berwang.

Malah kaum ibu ketika itu turut menyerahkan barang kemas mereka berupa gelang, cincin dan anting-anting untuk dijual bagi membiayai kos perjalanan kumpulan perunding kemerdekaan pimpinan Tunku Abdul Rahman ke England.

Menurut Omar, Raja-Raja Melayu juga membuat pengorbanan dengan menyerahkan kedaulatan negeri mereka untuk memasuki sebuah persekutuan yang lebih besar yang disebut Persekutuan Tanah Melayu yang kemudian menjadi asas kepada Persekutuan Malaysia.

"Orang Melayu juga membuat pengorbanan apabila mereka menerima kerakyatan Jus Soli iaitu pemberian kerakyatan terus kepada sejuta kaum pendatang Cina dan India.

"Ini adalah untuk memperoleh sokongan mereka dan janji mereka pula adalah untuk mengiktiraf kedudukan Raja-Raja Melayu, hak istimewa orang Melayu, agama Islam serta

Bahasa Melayu.

"Perkara-perkara ini kemudian termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan kemudian diserap ke dalam Perlembagaan Malaysia," jelasnya.

## **GERAKAN KOMUNIS**

Omar turut berkongsi pandangannya mengenai gerakan komunis di negara ini dan perkara-perkara yang melibatkan darurat yang diisytihar sekitar tahun 1948.

Menurut beliau, fasa pertama membanteras gerakan komunis berakhir pada 1960 tetapi fasa kedua lebih panjang, melibatkan gerakan lebih besar di sempadan Siam dan Sarawak.

Ketika itu negara sudah merdeka tetapi ancaman komunis masih berterusan.

"Oleh itu kita tidak nampak bagaimana komunis boleh mendabik diri sebagai pejuang kebangsaan walhal mereka terang-terangan menentang bangsa yang sudah bebas merdeka.

"Pihak komunis yang diketuai Chin Peng tidak mengiktiraf kebebasan yang diperoleh dan menganggap kemerdekaan yang dikecapi sejak 1957 sebagai satu kemerdekaan yang palsu," tegas Omar.

PKM, katanya, bukan berjuang untuk kemerdekaan, sebaliknya mahu menubuhkan sebuah republik komunis di Tanah Melayu dan mereka ini sebenarnya penderhaka kepada bangsa dan negara.

PKM juga tidak pernah dibubarkan selepas Perjanjian Hatyai 1989 dan ramai pemimpinnya memilih untuk tinggal di sebuah perkampungan di selatan Thailand.

"Kita tidak menangkap dan mengheret Chin Peng dan pemimpin lain sebagai penjenayah ke Mahkamah Perang seperti yang dibuat di negara lain.

"Kita memberi kebebasan untuk mereka meneruskan kehidupan. Ini menunjukkan kita adalah masyarakat yang penyayang dan senang memaafkan dan pihak komunis sepatutnya berterima kasih tentang perkara itu," tambahnya.

## **MUZIUM DARURAT**

Memandangkan acap kali isu Parti Komunis Malaya ditimbulkan, Omar mengulangi saranannya supaya kerajaan menubuhkan sebuah Muzium Darurat.

Muzium itu dapat memberi satu pengkisahan yang sahih mengenai peristiwa darurat supaya tidak timbul sebarang polemik dan penyelewengan fakta.

Pembangunan kampung-kampung baru, penubuhan pengawal kampung, cara berperang komunis termasuk taktik serang hendap adalah antara fakta yang boleh dipamerkan di muzium itu.

Omar juga berpendapat perlu dipamer senarai mereka yang terkorban semasa darurat termasuk askar Inggeris dan Komanwel dan sudah tentunya askar Melayu dan polis.

"Muzium ini akan menjadi satu institusi abadi bagi orang membuat rujukan dan bagi

generasi muda tahu sebenarnya fakta sejarah bersangkutan dengan pemberontakan dan pengkhianatan komunis serta kejayaan kita memusnahkannya," kata Omar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsfeatures.php?id=647436>